



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 9 SEPTEMBER 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

Minda Pengarang

ISMAIL DAUD

Banyak cara untuk bantu rakyat

SEMUA orang nampak seronok mendapat Sumbangan Asas Rahmah (SARA) sebanyak RM100 seorang. Saya dapat RM400 sebab ada empat orang dewasa dalam rumah saya. Yang menghairankan ialah ada juga yang kecam pemberian itu. Mereka turut persoalkan niat kerajaan. Sepatutnya, ucapan Alhamdulillah. Itu adab yang diajar ibu bapa dan guru-guru kita.

Kata Perdana Menteri, SARA bukanlah penyelesaian tunggal kepada usaha kerajaan membantu meringankan beban dan kos sara hidup rakyat terbanyak. Katanya, pemberian itu adalah antara langkah tambahan kerajaan untuk membantu rakyat dan pelengkap kepada program bantuan sedia ada.

“Jumlah yang kita salurkan mencecah sembilan juta orang. Bila saya berbincang dengan pemimpin luar, terutama di ASEAN, mereka tanya, dengan penduduk 34 juta, kita belanja RM15 bilion untuk bantu sembilan juta orang. Ramai kata mereka sendiri tidak mampu lakukan perkara sebegini,” kata Perdana Menteri yang menunjukkan tidak semua negara mampu melaksanakannya.

Kelompok yang mencemuh itu mungkin tidak pernah menerima bantuan-bantuan kerajaan. Mereka tidak tahu betapa bantuan itu ditunggu-tunggu oleh penerima. Ia memang membantu dan melegakan.

Hujung bulan ini, harga petrol bersubsidi pula akan turun kepada RM1.99 seliter. Walaupun mekanisme subsidi petrol bersasar belum dimuktamadkan tetapi dijangkakan 18 juta pengguna termasuk belia dan pekerja gig akan mendapat manfaat daripada usaha itu.

Namun, jangan harap kerajaan sahaja membantu rakyat secara langsung. Agensi kerajaan juga boleh membantu dengan meneliti kemungkinan ada peraturan atau kaedah yang boleh ditambah baik yang akan menguntungkan rakyat tanpa melibatkan kewangan kerajaan.

Bank Negara Malaysia (BNM) sebelum ini sudah memperkenalkan Own Damage Knock-for-Knock yang memudahkan ramai pemilik kenderaan yang terlibat dalam kemalangan dan kini rakyat menunggu bila BNM akan memansuhkan pinjaman kadar rata melalui kaedah kiraan Peraturan 78.

Mengikut laporan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup sepatutnya membentangkan pindaan Akta Sewa Beli 1967 pada separuh pertama tahun ini untuk memansuhkan Peraturan 78 itu tetapi setakat ini, tidak nampak usaha itu sudah dimulakan.

Peraturan itu adalah formula pengiraan kadar faedah yang mengutamakan keuntungan bank manakala pempinjam yang membuat bayaran penuh awal, atas apa juga alasan, akan rugi kerana perlu membayar faedah lebih tinggi walaupun tempoh pinjaman mereka dipendekkan.

Kaedah itu juga memberi tekanan kepada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana yang sering membuat pinjaman kecil untuk keperluan asas. Kumpulan ini akan membayar lebih banyak dalam jangka panjang, sedangkan mereka ini sepatutnya mendapat pembiayaan dengan pengiraan yang lebih telus dan berpatutan.

Begini juga dalam isu letak kereta. Kita sudah biasa dengan beberapa kaedah bayaran parkir iaitu ikut jam atau sekali masuk. Tetapi ada negara seperti di Singapura yang menggunakan kaedah parkir ikut kadar per minit.

Bermakna, kalau kita letak kereta selama 40 minit, bayarannya adalah untuk 40 minit dan bukannya sejam seperti sekarang. Nampak remeh atau kecil jumlahnya tetapi jika dilaksanakan, ia tentu sahaja menjimatkan kos pengguna manakala pengusaha parkir tidak mendapat keuntungan berganda.

Ismail Daud adalah Timbalan Pengarang Utusan/Minguan Malaysia

Gagal beli minyak masak peket kerana tiada telefon bimbit

KLUANG: Sepasang suami isteri kecewa apabila gagal membeli minyak masak peket hanya kerana tidak mempunyai telefon bimbit untuk mengimbas kod QR seperti disyaratkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN).

Ramli Jaafar, 59, berkata, pembelian minyak masak peket menggunakan aplikasi e-Coss yang diperkenalkan (KPDN) menyukarkan orang ramai khususnya warga yang tidak mempunyai telefon bimbit.

"Sistem ini baik untuk menghalang ketirisan selain mengelakkan warga asing menikmati subsidi diberikan kerajaan namun satu hal lain ia menyukarkan rakyat seperti warga emas yang tiada telefon bimbit pintar mempunyai aplikasi imbasan kod QR.

"Ia melambatkan pergerakan di setiap kaunter bayaran apabila imbasan pada kod QR perlu dibuat terlebih dahulu sebelum pembeli dibenarkan mendapat bekalan minyak masak peket itu," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Johor menjadi negeri pertama menggunakan aplikasi eCOSS di peringkat pengguna di negara ini.

Seorang lagi penduduk Kluang, Mohd Shafie Ali, 58, juga mempersoalkan mengapa pembelian minyak masak peket ini tidak menggunakan kad pengenalan sahaja kerana ia lebih mudah daripada penggunaan Kod QR.

Katanya, kerajaan sepertinya memikirkan kerumitan dihadapi orang tua yang tinggal di kampung kerana kebanyakannya mereka tidak memiliki telefon bimbit.

"Kerajaan perlu memikirkan semula pelaksanaan sistem pembelian minyak masak peket ini kerana ramai mereka yang sepatutnya boleh mendapat manfaat tercincir akibat daripada tiada kemudahan seperti disyaratkan," katanya

HARI: SELASA
TARIKH: 9/9/2025
M/SURAT: 10

Kerajaan tidak berkompromi terhadap peniaga naikkan harga barang

Kuala Lumpur: Kerajaan tidak akan berkompromi terhadap pihak yang cuba menjelaskan manfaat yang sepatutnya dinikmati rakyat menerusi pelaksanaan inisiatif Penghargaan

Sumbangan Asas Rahmah (SARA).

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, pihaknya mengambil maklum dengan beberapa hantaran

melalui media sosial yang mendakwa terdapat segelintir peniaga menaikkan harga barang.

"Sekiranya perkara ini berlaku, siasatan di bawah Akta Kawalan Harga dan

Antipencatutan 2011 boleh dilaksanakan.

"Kerajaan MADANI akan menyiasat aduan. Dalam masa yang sama, kerajaan menghargai inisiatif pasar raya dan kedai runcit yang

menawarkan harga istimewa kepada penerima manfaat," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan Kementerian Kewangan (MOF), semalam.

Beliau juga menggalak-

kan orang ramai membuat aduan rasmi kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) untuk membolehkan siasatan segera dijalankan. - Bernama

Website dedah maklumat terbongkar

Tular maklumat sensitif bocor dan boleh diakses oleh satu laman sesawang

Oleh AISYAH BASARUDDIN
SHAH ALAM

Baru-baru ini, tular satu hantaran di Facebook mengenai seorang pengguna yang mendakwa data peribadi rakyat Malaysia bocor di sebuah laman sesawang.

Laman tersebut didapati mendedahkan kad pengenalan, alamat rumah, nombor telefon, rekod pendaftaran dan lesen kenderaan, maklumat sulit perbankan serta informasi perniagaan.

Dia mendedahkan, segala maklumat sensitif termasuk nom-

bor pengesahan kad (CVV) tiga digit yang dicetak pada bahagian belakang kad debit atau kredit juga dipaparkan, malah boleh diakses oleh orang ramai.

Menerusi pendedahan itu, wartawan *Sinar Harian* telah cuba untuk mendaftar masuk ke laman sesawang berkenaan untuk melihat sendiri sama ada dakwaan tersebut benar atau sebaliknya.

Ternyata ia benar apabila hasil carian turut mendapat ada semakan daftar pemilih, malah data sensitif seperti jenis pinjaman pendidikan juga terpapar pada skrin komputer, namun pengguna perlu membayar untuk mendapatkan akses penuh.

Wartawan *Sinar Harian* turut membuat carian berdasarkan alamat rumah sendiri dan mendapat terdapat 20 senarai alamat rumah jiran berserta nombor kad pengenalan dan nama pernah mereka.

Paparan laman sesawang tersebut turut menunjukkan data peribadi itu diperoleh daripada



Data yang terdedah membahayakan keselamatan - Gambar hiasan

Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pengangkutan Jalan, aplikasi MySPR Semak, e-Tribunal Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, serta beberapa syarikat utiliti dan telekomunikasi.

Ini menunjukkan bahawa se- siapa sahaja boleh membuat carian sehingga ke 'lubang cacing' jika ingin mengetahui mak-

lumat peribadi seseorang dan perlu membayar untuk mendapatkan lebih banyak data.

Semakan turut mendapat- ikan laman sesawang tersebut boleh diakses dengan mudah tanpa perlu menggunakan rangkaian persendirian maya (VPN), se- baliknya hanya berdasarkan carian di Google Chrome sahaja sudah memadai.

Untuk mendapatkan lebih banyak maklumat, laman sesawang itu mengenakan bayaran bermula dari RM5 hingga maksimum RM245.

Selain itu, akaun pendaftaran individu yang cuba mengakses laman itu juga akan terpadam secara kekal sekiranya mereka tidak aktif atau melanggar apa-apa produk dalam tempoh lima hari.

Sementara itu, bagi bayaran pengaktifan laman tersebut sepanjang hayat, pengguna sekadar perlu membayar RM25 untuk mengekalkan akaun sedia ada.

Bagaimanapun, laman tersebut didapati tidak lagi boleh diakses pada sebelah petang Isnin.

Dalam pada itu, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ketika dihubungi *Sinar Harian* memaklumkan bahawa kenyataan rasmi berhubung isu tersebut akan dikeluarkan dalam masa terdekat.

RON95 subsidy framework in final stage: Minister

► Govt working to include MyKad payment, initiative to launch by end of September

KUALA LUMPUR: Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan said the government is in the final stage of setting eligibility criteria and implementation methods for targeted RON95 fuel subsidies.

He said the mechanism would be designed to ensure the majority of eligible citizens are not left out, Bernama reported.

"The government is also working with petrol station operators so that the MyKad payment system can be used at pumps once the subsidy rolls out at the end of this month," he told the Dewan Negara during question time yesterday.

Responding to Senator Rose Suryati Alang on the efficiency of implementation, Amir Hamzah said data from the Central Database Hub system would be used to identify eligible recipients.

"We will announce and implement this at the end of the month with assurance that subsidies reach those truly qualified."

On retirement savings, he said the Employees Provident Fund (EPF) is rebuilding contributors' balances after RM145 billion was withdrawn through i-Lestari, i-Sinar, i-Citra and the special withdrawal facility, involving 8.2 million members.

"Therefore, the focus now is on strengthening retirement savings and ensuring members enjoy sustainable income in old age," he told Senator Mohd Hasbi Muda.

He added that no new withdrawal schemes are planned, following the restructuring of EPF into Account 1, Account 2 and Account 3, with the third account allowing flexible withdrawals for emergencies.

Amir Hamzah also said EPF is studying a proposal to introduce a monthly pension scheme for new members, expected to be approved within the next few years, while existing contributors may choose to opt in.

On the Sumbangan Asas Rahmah aid programme, he said the government would not tolerate attempts to undermine its benefits.

The ministry is aware of social media claims that some traders raised prices to exploit the scheme.

"If this has happened, investigations and action under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 can be taken. The



Amir Hamzah said data from the Central Database Hub system would be used to identify eligible recipients for the incoming subsidy. — BERNAMAPIC

Madani government will investigate complaints. At the same time, we appreciate supermarkets and grocery shops offering special prices for aid recipients," he said in a statement on Sunday.

The Domestic Trade and Cost of Living Ministry confirmed it received two complaints of price hikes involving items under the Sumbangan Asas Rahmah and MyKasih programmes.

Its secretary-general Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar said investigations found one case stemmed from a retailer's technical error in managing its product coding system, which has since been rectified.

"We have stepped up monitoring. All state enforcement officers have been instructed to keep a close watch on participating shops to ensure no traders exploit the programmes for

profit," he said after closing the Sarawak Zone KPDN Carnival Tour 2025 and Buy Malaysian Products Campaign at the Kuching Waterfront on Sunday.

He said action would be taken against any party found raising prices without justification.

Meanwhile, the Finance Ministry reported that the eighth day of the aid programme rollout went smoothly, with RM102.5 million in sales involving 1.7 million recipients recorded as of 9.30pm on Sunday.

It added that the transaction rate had remained stable at 99.9% for two consecutive days, helped by upgrades to system processing capacity.

Since its launch on Aug 31, the initiative has benefited more than 11.8 million individuals nationwide, with total spending reaching RM745.7 million.



RON95 subsidy framework in final stage: Minister

► Govt working to include MyKad payment, initiative to launch by end of September

KUALA LUMPUR: Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan said the government is in the final stage of setting eligibility criteria and implementation methods for targeted RON95 fuel subsidies.

He said the mechanism would be designed to ensure the majority of eligible citizens are not left out, Bernama reported.

"The government is also working with petrol station operators so that the MyKad payment system can be used at pumps once the subsidy rolls out at the end of this month," he told the Dewan Negara during question time yesterday.

Responding to Senator Rose Suryati Alang on the efficiency of implementation, Amir Hamzah said data from the Central Database Hub system would be used to identify eligible recipients.

"We will announce and implement this at the end of the month with assurance that subsidies reach those truly qualified."

On retirement savings, he said the Employees Provident Fund (EPF) is rebuilding contributors' balances after RM145 billion was withdrawn through i-Lestari, i-Sinar, i-Citra and the special withdrawal facility, involving 8.2 million members.

"Therefore, the focus now is on strengthening retirement savings and ensuring members enjoy sustainable income in old age," he told Senator Mohd Hasbi Muda.

He added that no new withdrawal schemes are planned, following the restructuring of EPF into Account 1, Account 2 and Account 3, with the third account allowing flexible withdrawals for emergencies.

Amir Hamzah also said EPF is studying a proposal to introduce a monthly pension scheme for new members, expected to be approved within the next few years, while existing contributors may choose to opt in.

On the Sumbangan Asas Rahmah aid programme, he said the government would not tolerate attempts to undermine its benefits.

The ministry is aware of social media claims that some traders raised prices to exploit the scheme.

"If this has happened, investigations and action under the Price Control and Anti-Profitteering Act 2011 can be taken. The



Amir Hamzah said data from the Central Database Hub system would be used to identify eligible recipients for the incoming subsidy. —BERNAMAPIC

Madani government will investigate complaints. At the same time, we appreciate supermarkets and grocery shops offering special prices for aid recipients," he said in a statement on Sunday.

The Domestic Trade and Cost of Living Ministry confirmed it received two complaints of price hikes involving items under the Sumbangan Asas Rahmah and MyKashif programmes.

Its secretary-general Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar said investigations found one case stemmed from a retailer's technical error in managing its product coding system, which has since been rectified.

"We have stepped up monitoring. All state enforcement officers have been instructed to keep a close watch on participating shops to ensure no traders exploit the programmes for

profit," he said after closing the Sarawak Zone KPDN Carnival Tour 2025 and Buy Malaysian Products Campaign at the Kuching Waterfront on Sunday.

He said action would be taken against any party found raising prices without justification.

Meanwhile, the Finance Ministry reported that the eighth day of the aid programme rollout went smoothly, with RM102.5 million in sales involving 1.7 million recipients recorded as of 9.30pm on Sunday.

It added that the transaction rate had remained stable at 99.9% for two consecutive days, helped by upgrades to system processing capacity.

Since its launch on Aug 31, the initiative has benefited more than 11.8 million individuals nationwide, with total spending reaching RM745.7 million.

SARA: Kerajaan tidak kompromi peniaga naikkan harga barang

KUALALUMPUR: Kerajaan tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak cuba menjelaskan manfaat yang sepatutnya dinikmati rakyat menerusi pelaksanaan inisiatif Penghargaan Sumbangan Asas Rahmah (SARA).

Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, pihaknya mengambil maklum dengan beberapa hantaran melalui media sosial mendakwa terdapat segelintir peniaga naikkan harga barang.

“Sekiranya perkara ini berlaku, siasatan dan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 boleh dilaksanakan. Kerajaan

MADANI akan menyiasat aduan. Dalam masa yang sama, kerajaan menghargai inisiatif pasar raya dan kedai runcit yang menawarkan harga istimewa kepada penerima manfaat,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan Kementerian Keuangan (MOF) kelmarin.

Beliau juga menggalakkan orang ramai untuk membuat aduan rasmi kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk membolehkan siasatan segera dijalankan. Aduan boleh dikemukakan melalui beberapa saluran KPDN seperti portal e-Aduan KPDN, iaitu <https://eaduan.kpdn.gov.my/>, talian

WhatsApp 019-8488000, atau pusat talian 1-800-886-800.

Dalam pada itu, MOF memaklumkan hari kelapan pelaksanaan Penghargaan SARA berjalan lancar dengan jumlah jualan sebanyak RM102.5 juta melibatkan 1.7 juta penerima setakat jam 9.30 malam kelmarin.

“Kadar transaksi berjaya kekal stabil pada 99.9 peratus bagi dua hari berturut-turut. Usaha penambahbaikan dan peluasan kapasiti pemprosesan sistem sepanjang tujuh hari lepas, telah menyumbang kepada kestabilan sistem yang tercapai pada hari ini,” menurut kementerian itu.
— Bernama*

第二財長：補貼改革未掀波瀾

第二財長拿督斯里阿米尔韓查指出，自政府于2023年起分阶段对柴油、电力及水资源实施针对性补贴以来，国内通胀率并未出现明显波动。

他以柴油为例，自去年6月10日落实针对性补贴后，一个月后的消费价格指数(CPI)或通胀率依然稳定。

“该年7月公布的通胀率与5月持平，维持在2.0%。运输通胀率仅小幅上升至1.2%（5月为0.9%），而食品通胀率则下降至1.6%（5月为1.8%）。”

阿米尔韩查今日在国会上议院问答环节中回应上议员苏珊哲梅莱的提问。

对方询及补贴合理化对通胀率及中低收入群体(M40、B40)家庭收入的影响，并要求列出第三、第四季的具体纾困措施。

他说，实施期间，政府也采取初步缓解措施，确保柴油用户不受重大影响。其中，柴油补贴管制系统2.0(SKDS 2.0)将柴油价格维持在每公升2令吉15仙，适用于货运卡车、厢式货车、水槽车、客货车及面包车。

“校车、快巴、救护车和消防车等公共交通工具的柴油价格则调整为每公升1令吉88仙。”

சாரா விற்பனை:

விலையை உயர்த்தினால் கடுமையான நடவடிக்கை

கோலாஸ்டர், செப். 9

அடிப்படைத் தேவைப் பொருட்களை மக்கள் குறைந்த விலையில் வாங்கும் பொருட்டு வழங்கப்படும் சாரா சூப்பகத் திட்டத்தைச் சிதைக்க மேற்கொள்ளப்படும் சிருமலைவுகளை ஒருபோதும் சுகித்துக் கொள்ளாது, கடுமையான நடவடிக்கை எடுக்கப்படும்.

இரண்டாவது நிதி அமைச்சர் சென்ட்டர் டத்தோந் அமிர் ஹம்ஸா அவிஸன் இவ்வாறு எச்சரித்தார்.

ஒரு சில வியாபாரிகள் சாரா உதவித் தொகைப் பொருட்களின் விலையை உயர்த்தி இருப்பதாக சலுக வகைத்தனங்களில் பாவிடும் தகவல்கள் குறித்து இது சம்பந்தமாக விசாரணை மேற்கொள்ளப்படும் என்றார் அவர்.

கூறப்படும் அந்தத் தகவல்கள் உண்மையாக இருக்குமாயின் சம்பந்தப்பட்ட தரப்பினர் மீது 2011 விலைக் கட்டுப்பாட்சுச் சட்டத்தின் கீழ் விசாரணை



மேற்கொள்ளப்படும் என்று அவர் எச்சரித்தார்.

இதைத் தொடர்பான புகார்களை மட்டுளி அரசாங்கம் விசரிக்கும். அதே வேளையில் சாரா உதவித் தொகையைப் பெறும் தாபபிளேருக்கு உதவிட வணிகத் தளங்களில் சிறப்பு விலையை அறிமுகப்படுத்தி இருக்கும் வர்த்தக வியங்கள், பலசரக்குக் கண்டகளுக்கு அரசாங்கம் நன்றி தெரிவித்துக் கொள்வதாலும் அவர் கூறினார். சாரா உதவிப் பொருட்கள் விலை ஏற்றும் கண்டிருப்பின் அதுகுறித்து

பயனிட்டாளர்கள், நோடியாக உள்ளாட்டு வாணிபம் பயனிடாளர் நலன், வழக்கைக் கொலவினத்துறை அமைச்சிடம் அதிகாரப்பூர்வமாக புகார் செய்யலாம் என்றும் அவர் குறிப்பிட்டார்.

<http://eaduan.kpdn.gov.my/>
என்றுமைக்கின் அதிகாரத்துவம் புகார் அகப்பக்கத்திலும் 019-8488000 என்ற வாடைப் பண்களில் தகவல் தெரிவிப்பதன் வழிலாகவும் 1-800-886-800 என்ற எண்களுக்கு அழைத்தும் புகார் செய்யலாம்.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

10 TAHUN BERMAHARAJALELA

KARTEL
DIESEL

HANYA DI
EKSKLUSIF
SINAR HARIAN



Lokasi sebuah premis yang dikaitkan dengan kartel pembekalan diesel di Sibu.

- Sebuah syarikat didakwa bertindak sebagai kartel pembekalan diesel di Sarawak dengan memonopoli tender kerajaan negeri sejak lebih 10 tahun melalui rasuah, penyeludupan dan penyelewengan, sekali gus menyebabkan kerugian puluhan juta ringgit kepada kerajaan.
- Susulan pendedahan itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin menegaskan siasatan akan dijalankan bagi membongkar dalang di sebalik kartel terbabit kerana penyelewengan dan rasuah itu menyebabkan ketirisan serta kerugian besar kepada hasil negara.
- Sementara itu, tinjauan *Sinar Harian* di sebuah premis disyaki milik jaringan syarikat terbabit di Sibu mendapati ia dipercayai menjadi lokasi simpanan dan pemindahan diesel, lengkap berpagar di tepi sungai laluan kapal, menempatkan lori serta tangki besar, dengan akses jalan sempit melalui kawasan penempatan penduduk.

MUKA 2 & 3



Syarikat dikait tender mencurigakan kau ratusan juta hasil seleweng diesel

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
SIBU

Sebuah syarikat yang didakwa menjadi kartel pembekalan diesel di Sarawak dipercayai mempunyai monopoli tender kerajaan negeri sejauh lebih 10 tahun lalu dengan taktik rasuah, penyeludupan dan penyelewengan sehingga mengakibatkan kerugian puluhan juta ringgit kepada kerajaan.

Menurut sumber, rangkaian sindiket diperlakukan membayar wang rasuah kepada orang dalam sebagai balasan untuk memperoleh kontrak atau tender pembekalan minyak diesel di sekitar negeri ini.

Katanya, hasil daripada pemberian rasuah tersebut, sindiket ini berjaya memperoleh tender serta kontrak pembekalan diesel komersial kepada salah sebuah anak syarikat kerajaan negeri.

"Mereka telah memonopoli tender ini sejak 10 tahun lalu sehingga kini."

"Malah mereka berjaya memenangi tender kerana menawarkan harga minyak diesel yang rendah berbanding petender-petender syarikat pengeluar minyak besar yang lain."

"Ini sekali gus membolehkan kartel terbabit berjaya memperoleh tender dan kontrak tersebut," katanya kepada Sinar Harian.

Selain itu tambah sumber, bekalan minyak diesel untuk kerajaan negeri ini juga dipercayai akan diseludup serta diseleweng kepada kapal luar persisir (offshore).

Katanya, bahan api itu diangkut menggunakan kapal laut dan lorong untuk disimpan di pusat penyimpanan diesel milik rangkaian sindiket.

"Kartel ini akan melakukan aktiviti buntkering (pemindahan dari kapal ke kapal). Sebahagian minyak dijual terus kepada kapal-kapal offshore."

"Bagi penyimpanan dan pengedaran pula, diesel ini disimpan di pusat penyimpanan komersial sebelum diagihkan."

"Ia dilaporkan sebagai bekalan daripada syarikat pembekalan minyak terkenal tetapi sebenarnya diseleweng."



MOHAMAD ZAMRI

10 tahun kartel monopoli diesel di Sarawak



Lokasi sebuah premis yang dikaitkan dengan kartel pembekalan diesel di Sibu.

"Sekiranya ada permenitan, kartel ini akan merasah penguasa untuk melindungi operasi mereka," ujar sumber tersebut.

Persoalannya, sebanyak mana lagi kerugian yang perlu ditanggung oleh kerajaan Persekutuan serta kerajaan negeri Sarawak akibat penyelewengan ini?

Siapakah dalang sebenar dan jaringan yang terlibat hingga mampu memegang tender selama 10 tahun sehingga-kan syarikat pembekalan minyak utama pun "tewas" dalam saingan membeli minyak.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin ketika dihubungi, Sinar Harian berkata, mengesahkan siasatan dijalankan oleh pihaknya berhubung perkara itu.

Tegasnya, SPRM memandang serius isu penyelewengan dan rasuah yang boleh menggugat keselamatan di perairan negara.

"Kes sebegini akan menyebabkan ketirisan dan kerugian kepada hasil kerajaan," katanya.

Pada 25 Ogos tahun lepas, SPRM mengempur sindiket penyeludupan mi-



Sindiket dipercayai merasah penguasa untuk melindungi operasi mereka.



Keadaan laluan menuju ke sebuah premis yang dikawal sindiket.

nyak diesel bersubsidi milik persatuan nelayan dan disyaki memberi rasuah kepada penguasa kuasa di Sibu, sebagai balasan menyembunyikan tindakan berkenaan.

Menerusi siasatan dan risikan SPRM,

sejak 2012 itu mengaut keuntungan sehingga RM400 juta.

Sindiket berkenaan dipercayai menjual minyak diesel bersubsidi untuk kegunaan nelayan kepada pihak luar pada kadar harga tertentu.



Keadaan di dalam premis yang dipercaya mempunyai kaitan dengan kartel diesel.



Premis turut menempatkan beberapa buah lori disyaki digunakan sindiket.

SPRM kemudian menyita wang tunai kira-kira RM3.7 juta, dua buah tongkang serta 30 tangki membabitkan sekitar 1.6 juta liter diesel.

Seramai lima individu, tiga lelaki dan dua wanita ditahan. Empat merupakan pengusaha stesen minyak yang dipercaya menjadi dalang kegiatan penyaludupan diesel itu.

Pemerhatian di stor simpan diesel

Dalam pada itu, Sinar Harian telah melakukan pemerhatian di sebuah premis disyaki melibatkan jaringan syarikat terbabit di Sibu.

Pemantauan mendapati premis yang disyaki menjadi tempat menyimpan dan memindahkan diesel itu lengkap berpagar serta terletak di tepi sungai yang menjadi lajuan utama kapal keluar dan masuk.

Malah, laluan masuk menuju ke premis berkenaan juga sempit dengan perlu melalui kawasan pemenuhan penduduk.

Pada masa sama, terdapat beberapa lori tangki yang diparkir dan tangki-tangki simpanan besar di kawasan premis.

Seorang pekerja di premis terbabit yang enggan dikenali mendakwa terdapat aktiviti keluar masuk lori tangki.

Lelaki tempatan berusia lingkungan 40-an itu berkata, dia telah bekerja di premis terbabit sejak lima bulan lalu.

"Kadang-kadang ada lori tangki keluar masuk di sini. Saya tidak tahu apa-apa. Saya pantau sahaja," katanya.

MODUS OPERANDI KARTEL DIESEL DI SARAWAK

1. TENDER & KONTRAK

- Monopoli tender sejak lebih 10 tahun
- Menang kerana tawar harga lebih rendah berbanding syarikat minyak besar
- Didakwa sogok orang dalam untuk dapat kontrak



Tangkapan kes 2024 di Sibu.

2. PENYELEWENGAN & PENYIMPANAN

- Bekalan diesel diseleweng ke kapal luar pesisir (offshore)
- Aktiviti bunkering — pindah minyak dari kapal ke kapal
- Diesel disimpan di pusat simpanan komersial, dilapor kohnnya dari syarikat minyak terkenal

3. RASUAH & PERLINDUNGAN

- Dakwaan sogok penguat kuasa untuk lindungi operasi
- SPRM sahkan siasatan sedang berjalan
- Risiko besar: ketirisan hasil kerajaan & keselamatan perairan

4. TANGKAPAN & RAMPASAN DI SIBU SEBELUMINI (OGOS 2024)

- 5 individu ditahan (3 lelaki, 2 wanita - termasuk pengusaha stesen minyak)
- Rampasan: 1.6 juta liter diesel, wang tunai RM3.7 juta, 2 tongkang & 30 tangki
- Sindiket dipercaya kait keuntungan RM400 juta sejak 2012



Beberapa tangki besar digunakan untuk menyimpan diesel di Sibu.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 9 SEPTEMBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
9-Sep	KPDN Kelantan kesan taktik peniaga naikkan harga barang berdasarkan pemakaian pelanggan	https://www.dagangnews.com/article/terkini/kpdn-kelantan-kesan-taktik-peniaga-naikkan-harga-barangan-berdasarkan-pemakaian-pelanggan-57333	DAGANG NEWS
9-Sep	Warga emas kecewa ‘dinafikan’ beli minyak peket	https://www.kosmo.com.my/2025/09/08/warga-emas-kecewa-dinafikan-beli-minyak-peket/	KOSMO
9-Sep	“Dah Macam Harga Buffet” – Peniaga Maki Pelanggan Lari Lepas Caj Char Kuetiau RM59 Undang Perhatian	https://www.therakyatpost.com/trpbm/viral/2025/09/08/dah-macam-harga-buffet-peniaga-maki-pelanggan-lari-lepas-caj-char-kuetiau-rm59-undang-perhatian/	THE RAKYAT POST
9-Sep	SARA: Kerajaan akan siasat aduan peniaga naikkan harga barang	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/sara-kerajaan-akan-siasat-aduan-peniaga-naikkan-harga-barang	BERITA RTM
9-Sep	Complaints received for Sara, MyKasih programmes	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/09/08/complaints-received-for-sara-mykasih-programmes	THE STAR
9-Sep	KPDN Carnival highlights local products, draws strong public support	https://www.theborneopost.com/2025/09/08/kpdn-carnival-highlights-local-products-draws-strong-public-support/	THE BORNEO POST
9-Sep	Misuse of MyKad under Sara to be tackled	https://www.dailyexpress.com.my/news/266104/misuse-of-mykad-under-sara-to-be-tackled/	DAILY EXPRESS
9-Sep	SARA: MoF mahu pengguna buat aduan peniaga naikkan harga barang	https://malaysiaga-zette.com/2025/09/08/sara-mof-mahu-pengguna-buat-aduan-peniaga-naikkan-harga-barang/	MALAYSIA GAZETTE
9-Sep	Sara: K'jaan tidak kompromi terhadap peniaga naikkan harga barang	https://www.tvsarawak.my/2025/09/08/sara-kerajaan-tidak-kompromi-terhadap-peniaga-naikkan-harga-barang/	TV SARAWAK
9-Sep	SARA: Kerajaan tidak kompromi terhadap peniaga naikkan harga barang	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sara-kerajaan-tidak-kompromi-terhadap-peniaga-naikkan-harga-barang-537577	ASTRO AWANI

9-Sep	SARA: Kerajaan tidak kompromi terhadap peniaga naikkan harga barang - Amir Hamzah	https://www.dagangnews.com/article/terkini/sara-kerajaan-tidak-kompromi-terhadap-peniaga-naikkan-harga-barang-amir-hamzah-57328	DAGANG NEWS
9-Sep	Sara: K'jaan tidak kompromi terhadap peniaga naikkan harga barang	https://www.malaysiakini.com/news/754484	MALAYSIA KINI
9-Sep	SARA: Kerajaan tidak kompromi terhadap peniaga naikkan harga barang	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/09/1443442/sara-kerajaan-tidak-kompromi-terhadap-peniaga-naikkan-harga-barang	BERITA HARIAN
9-Sep	SARA: Kerajaan tidak kompromi peniaga naikkan harga barang	https://www.sinarharian.com.my/article/747037/berita/nasional/sara-kerajaan-tidak-kompromi-peniaga-naikkan-harga-barang	SINAR HARIAN
9-Sep	SARA: Kerajaan tak akan kompromi peniaga naikkan harga barang	https://utusantv.com/2025/09/08/sara-kerajaan-tak-akan-kompromi-peniaga-naikkan-harga-barang/	UTUSAN TV
9-Sep	Sara appreciation aid: Amir Hamzah warns traders against hiking prices of goods	https://theedgemalaysia.com/node/769553	THE EDGE MALAYSIA
9-Sep	RM100 Sara aid: Govt won't tolerate traders who hike prices of goods, says Amir Hamzah	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/09/08/rm100-sara-aid-govt-won039t-tolerate-traders-who-hike-prices-of-goods-says-amir-hamzah	THE STAR
9-Sep	Malaysia Bakal Menganjurkan Persidangan E-Dagang ASEAN Pertama	https://siakapkeli.my/2025/09/08/malaysia-bakal-menganjurkan-persidangan-e-dagang-asean-pertama	SIAKAP KELI

9-Sep	Cake terima aduan kenaikan harga barang Sara	https://www.kosmo.com.my/2025/09/08/cake-terima-aduan-kenaikan-harga-barang-	KOSMO
9-Sep	Kawal caj rawatan pusat fisi-oterapi swasta	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/kawal-caj-rawatan-pusat-fisioterapi-	UTUSAN
9-Sep	'Harga suka hati' pusat fisi-oterapi	https://www.malaysiakini.com/	MALAYSIA KINI
9-Sep	Char-ged too much? Customer makes a quick wok-off	https://www.dailyexpress.com.my/news/266152/char-ged-too-much-customer-makes-a-	DAILY EXPRESS
9-Sep	KPDN Addresses Complaints of Price Hikes Under SARA and MyKasih	https://www.malaysianewsgazette.com/kpdn-addresses-complaints-of-price-hikes-under-sara-and-mykasih/	MALAYSIA NEWS GAZETTE